

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI ALPHA WONDER SDN. BHD.
PAHANG DARUL MAKMUR

JUNAINAH BINTI KAMALUDIN

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

JABATAN PENGURUSAN MARITIM
FAKULTI PENGAJIAN MARITIM DAN SAINS MARIN
LEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006

LI
11
FMSM
1
2006

477ceg

1100067882

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)



LI 11 FMSM 1 2006



1100067882

Laporan akhir latihan industri di Alpha wonder Sdn. Bhd
Pahang Darul Makmur / Junainah Kamaludin.

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21800 KUALA TERENGGANU

1100067832

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
ALPHA WONDER SDN. BHD,
PAHANG DARUL MAKMUR**

Disediakan oleh:

**JUNAINAH BINTI KAMALUDIN
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Pengurusan Maritim
Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin
Kolej Universiti Sains dan teknologi Malaysia
(KUSTEM)
2006**

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya JUNAINAH BINTI KAMALUDIN mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



Nama: JUNAINAH BINTI KAMALUDIN

Tarikh: 17 OKTOBER 2006

Disahkan oleh:



Dr. Safiek Mokhlis

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin

KUSTEM

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera, pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Safiek Mokhlis selaku Penyelia industri KUSTEM kerana selama ini begitu sabar dalam memberikan tunjuk ajar dan nasihat kepada saya dalam menghasilkan laporan Latihan Industri ini dan juga semasa saya menjalani latihan Industri di Alpha Wonder Sdn. Bhd. selama 12 minggu, segala nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan amatlah dihargai.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada syarikat Alpha Wonder Sdn. Bhd. kerana sudi untuk mengambil saya untuk menjalani latihan industri di Alpha Wonder Sdn. Bhd. dan juga terima kasih yang tidak terhingga kepada semua kakitangan syarikat dalam memberikan tunjuk ajar kepada saya untuk mempelajari selok belok perniagaan yang berasaskan perkhidmatan. Terutama sekali kepada pihak pengurusan Alpha Wonder Sdn. Bhd. iaitu Encik Abdul Aziz b. Ngah dalam memberikan tunjuk ajar dan nasihat yang begitu bernilai buat diri saya untuk digunakan di masa hadapan dan pastinya pengalaman itu akan membantu saya dalam menempuh hidup sebagai seorang pekerja suatu hari nanti.

Seterusnya, sekalung terima kasih kepada semua para pekerja teknikal dan operasi Alpha Wonder Sdn. Bhd. yang banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar semasa saya menjalani latihan industri. Tidak lupa juga diucapkan

kepada kakitangan Getzs Logistics Sdn. Bhd. khususnya Encik Md. Ali Jani dan Cik Nor Nahariyah Salleh yang juga memberikan peluang kepada saya untuk mempelajari dan menimba ilmu yang begitu bermanfaat sekali untuk saya mengenai perkhidmatan *haulier*. Sesungguhnya ilmu itu harta yang tidak ternilai didalam diri seseorang manusia.

Akhir sekali ucapan terima kasih kepada urusetia latihan industri kerana bertungkus lumus memastikan saya mendapat tempat untuk menjalani latihan industri juga memastikan program ini berjalan dengan lancar. Tidak lupa juga kepada keluarga yang dikasihi kerana sentiasa memberikan sokongan, dorongan dan nasihat yang tidak terhingga untuk memastikan saya menjalani latihan industri dengan jayanya.

JUNAINAH BINTI KAMALUDIN

SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)

KUSTEM

ISI KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
PENGESAHAN KEASLIAN	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
RINGKASAN EKSEKUTIF	vi
BAB SATU: PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Syarikat	1
1.1.1 Objektif Syarikat	3
1.1.2 Jabatan dalam Syarikat	4
1.2 Profil Syarikat	7
1.3 Carta Organisasi Syarikat	8
1.4 Aktiviti Syarikat	9
1.5 Prinsipal Syarikat	12
1.6 Anak Syarikat: Getzs Logistik Sdn. Bhd.	13
1.6.1 Latar Belakang Syarikat	13
1.6.2 Jabatan dalam Syarikat	14
1.6.3 Profil Syarikat	16
1.6.4 Carta Organisasi Getzs Logistik Sdn. Bhd.	17
1.6.5 Aktiviti Syarikat	18
1.6.6 Prinsipal Syarikat	19

BAB DUA: SISTEM KERJA, MASALAH DAN PENYELESAIAN	20
2.1 Sistem Kerja Sedia Ada	20
2.1.1 Sistem Dokumentasi Kontena	20
2.1.2 Sistem Operasi Loading dan Discharge Kontena	27
2.1.3 Sistem Bill	32
2.2 Pengenalpastian Masalah	35
2.2.1 Masalah Sistem Pertama: Komunikasi	35
2.2.2 Masalah Sistem Kedua: Kurang Pekerja Mahir	36
2.2.3 Masalah Sistem Ketiga: Tempoh Pembayaran Bil	37
2.3 Punca Masalah	38
2.3.1 Sistem Pertama	38
2.3.2 Sistem Kedua	38
2.3.3 Sistem Ketiga	39
2.4 Cadangan Penyelesaian	40
2.4.1 Masalah Pertama	40
2.4.2 Masalah Kedua	41
2.4.3 Masalah Ketiga	42
2.5 Implimentasi dan Implikasi Terhadap Penyelesaian	44
BAB TIGA: PENUTUP	47
3.1 Rumusan	47
3.2 Cadangan Latihan Industri	49
3.3 Kemahiran Pembelajaran dan Pencapaian Matlamat	50
4 RUJUKAN	53
5 LAMPIRAN	54

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan industri merupakan salah satu kursus teras di dalam program Sarjana Muda Pengurusan (Maritim), pelatih akan ditempatkan di organisasi atau syarikat selama 12 minggu bagi memastikan pelatih mendapat pendedahan tentang alam pekerjaan dan juga pengetahuan seperti mana yang dikehendaki oleh pihak universiti dalam melahirkan graduan yang mahir, berpengetahuan dan berpengalaman. Latihan industri telah membentarkan pelatih untuk mempelajari apa yang tidak terdapat di dalam bilik kuliah, ini bermakna pembelajaran yang telah diperolehi oleh pelatih lebih kepada praktikal dan pengalaman selain pengetahuan dan juga mengaplikasi teori yang telah dipelajari selama ini. Sepanjang 3 bulan menjalani latihan industri pelatih telah ditempatkan di Alpha Wonder Sdn. Bhd., yang mana merupakan sebuah syarikat yang menawarkan sebahagian perkhidmatan yang diperlukan di Pelabuhan Kuantan. Sepanjang menjalani latihan industri pelatih telah ditempatkan di dua jabatan utama iaitu jabatan Kontena dan juga Konvensional. Selain itu, pelatih juga diberikan peluang untuk mempelajari selok-belok pembiagaan berteraskan perkhidmatan *haulier* atau pengangkutan darat di Getzs Logistics Sdn. Bhd. yang merupakan salah satu syarikat milik En. Abd Aziz iaitu penyelia industri pelatih di Alpha Wonder Sdn. Bhd. Melalui laporan ini, pelatih telah mengenalpasti 3 sistem kerja yang terdapat di Alpha Wonder Sdn. Bhd., juga pelatih turut menganalisa beberapa permasalahan yang terdapat dalam sistem ini dan penyelesaian yang telah dicadangkan oleh pelatih sendiri. Sesungguhnya penyelesaian dan masalah yang terdapat dalam laporan ini adalah masalah yang pelatih kenalpasti dan beberapa pengamatan tentang masalah yang berlaku. Diharapkan laporan ini dapat memberi manfaat kepada pembaca sekaligus meningkatkan ilmu bersama.